

**Kerajaan Bina SJKT Di Bagan Dalam Jika BN Menang PRU-13**  
**Bernama**  
**11 November, 2012**

BUTTERWORTH, 11 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan membina Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Bagan Dalam di sini jika Barisan Nasional (BN) memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 di Pulau Pinang.

Pengerusi BN Pulau Pinang Teng Chang Yeow berkata persetujuan itu diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu perjumpaan dengan Jawatankuasa BN negeri pada bulan lepas.

Beliau berkata pembinaan sekolah itu adalah satu daripada usaha mengatasi masalah murid di situ yang terpaksa bersekolah di kawasan Mak Mandin, iaitu kira-kira lima kilometer, kerana Bagan Dalam tidak mempunyai SJKT.

"MIC Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan pembinaan SJKT di Bagan Dalam, dan BN negeri memberi sokongan terhadap permohonan itu sebelum dipanjangkan kepada Perdana Menteri.

"Pada pertemuan bulan lepas, Datuk Seri Najib sedia beri pertimbangan pembinaan SJKT di kawasan itu kerana kepentingan lebih 4,200 keluarga kaum India yang tinggal di Bagan Dalam," katanya selepas merasmikan Rumah Terbuka dan majlis penyampaian sumbangan Deepavali kepada 500 fakir, ibu tunggal serta anak yatim di Dewan Sree Maha Mariamman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708626>